

# Cabaran Penyeragaman Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia

## *Challenges of Standardization of Sharia Criminal Law in Malaysia*

ZAINI NASOHAH\*, ZURUL IMAN ZAKARIA, ZULIZA MOHD KUSRIN<sup>1</sup>

### ABSTRACT

*Sharia Criminal law has long been implemented in every state in Malaysia. However, the implementation of the law often receives negative perceptions and views from the society. One of the issues raised regarding the shariah criminal law is that the law is not standardize and is varied among the states. This difference may cause injustice to the accused those involved in a sharia criminal offences. A significant difference can be seen from the aspects of types and categories of offences, texts, nature and level of punishment even though it refers to the same offence. Efforts towards the standardization of sharia criminal law has long been sought, but has yet to be materialised due to some issues and challenges faced by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), an agency which is responsible to coordinate and standardise the sharia law in Malaysia. This article aims to analyse the challenges face in the effort to uniform the sharia criminal law in Malaysia. This study is a qualitative study which utilises documents analysis approach in its data collection process. The study found that there are three major challenges to uniform the sharia criminal law in Malaysia which include the jurisdiction, politics and social. Therefore, further studies should be undertaken to assist the religious authorities in finding the best method to address these issues and challenges in order to standardize the sharia criminal law in Malaysia.*

**Keywords:** *administration, sharia criminal offences, standardization, enforcement, Sharia Court*

Undang-Undang jenayah syariah di Malaysia telah lama wujud semenjak negara belum mencapai kemerdekaan lagi. Kewujudan undang-undang Melayu lama seperti penemuan Batu Bersurat di Terengganu pada tahun 1898 dan Hukum Kanun Melaka (Paizah 2007) jelas menunjukkan undang-undang jenayah syariah telah sekian lama mendapat tempat dalam pengkanunan undang-undang di Tanah Melayu. Pelaksanaan undang-undang jenayah syariah berterusan sehingga pada zaman penjajahan Inggeris walaupun dengan skop serta limitasi yang sempit. Sebelum wujudnya enakmen jenayah syariah secara khusus, peruntukan kesalahan jenayah syariah diletakkan dalam enakmen pentadbiran agama Islam di negeri-negeri. Sebagai contoh, di akhir era penjajahan Inggeris, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952 telah pun diwujudkan yang antaranya mengandungi peruntukan kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang boleh dihukum (Siti Zubaidah 2010). Model enakmen induk di negeri Selangor itu kemudiannya telah diikuti oleh negeri-negeri yang lain.

---

<sup>1</sup> **Zaini Nasohah\*** (Corresponding Author), Ph. D., Assoc. Professor at the Centre of Sharia Research, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: zbn@ukm.edu.my; **Zurul Iman Zakaria**, Enforcement Officer at Malacca Religious Affairs Department, Malacca, MALAYSIA. Email: zizjaim@yahoo.com; **Zuliza Mohd Kusrin** Ph. D., Assoc. Professor at the Centre of Sharia Research, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: zuli@ukm.edu.my.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, skop undang-undang jenayah syariah adalah berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan (Alias Azhar & Mohammad Azam Hussain 2012). Perlembagaan negara ini membahagikan sistem perundangan kepada dua sistem pentadbiran undang-undang yang berbeza iaitu menerusi sistem Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah (Siti Zubaidah 2014). Setiap mahkamah mempunyai bidang kuasa yang berbeza selaras dengan peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan. Bagi Mahkamah Syariah, selain punca kuasa utama dalam Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasanya diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam yang menjadi enakmen induk bagi pentadbiran undang-undang Islam di negeri-negeri. Berdasarkan punca kuasa yang ada, pelaksanaan undang-undang jenayah syariah terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri (Paizah 2007). Ia selaras dengan peruntukan Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan didalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa bidang kuasa berkaitan dengan hal ehwal orang Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Peruntukan ini memberi kuasa mutlak kepada negeri untuk menggubal undang-undang yang berkaitan orang Islam. Justeru itu, ketiadaan undang-undang yang memperuntukkan sesuatu perkara (Noor Lizza 2021) dalam skop undang-undang Islam di negeri tertentu bukanlah suatu yang janggal. Ini kerana pihak yang menggubal dan meluluskan undang-undang itu adalah berbeza. Hakikat ini menjadi antara punca kepada ketidakseragaman yang ketara dalam peruntukan undang-undang Islam di negeri-negeri. Setiap negeri berhak untuk menggubal undang-undang Islam yang tersendiri (Jasri 2014) tanpa terikat dengan negeri-negeri lain atau Persekutuan selagi tidak melangkaui skop yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan serta akta Persekutuan yang berkaitan. Ketidakseragaman ini turut berlaku dalam undang-undang jenayah syariah. Kesemua negeri di Malaysia mempunyai akta/enakmen/ordinan jenayah syariah yang tersendiri. Jika dibuat perbandingan, terdapat perbezaan di antara negeri-negeri daripada aspek jenis dan kategori kesalahan, matan dan bentuk peruntukan serta kadar hukuman.

Ketidakseragaman undang-undang jenayah syariah mengakibatkan pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaannya tidak selaras di antara negeri-negeri. Ketidakseragaman boleh menyebabkan berlakunya ketidakadilan kepada semua pihak sama ada pesalah, mangsa jenayah ataupun masyarakat umum (Anita Abdul & Wafaa' 2012). Ketidakseragaman dalam undang-undang juga boleh menyebabkan berlakunya perbezaan penghakiman di antara negeri-negeri walaupun mempunyai fakta kes yang serupa (Mohd Sopiee 2015). Tentunya, perbezaan penghakiman ini akan menimbulkan persoalan dan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat. Usaha-usaha penyeragaman dalam mengatasi perbezaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia telah lama dilakukan. Usaha-usaha itu bukanlah suatu yang baharu tetapi telah dilakukan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Namun sehingga kini usaha-usaha penyeragaman itu masih belum membuahkan hasil (Zulkifli 2008; Ibrahim 2012; Azizah et al. 2016).

### **Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia**

Penguatkuasaan merujuk kepada suatu tindakan yang dilakukan oleh Pegawai Penguatkuasa yang berbidang kuasa ke atas kesalahan yang dilakukan oleh seseorang (Siti Rahmaniah 2010) mengikut peruntukan dan peraturan yang dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang Islam bertulis yang berkuat kuasa termasuk yang terdapat dalam enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri (Siti Zubaidah 2008; Siti Zubaidah 2016). Selain tertakluk di bawah undang-undang jenayah sivil yang telah digubal oleh Kerajaan Persekutuan seperti Kanun Keseksaan (Akta 574), setiap orang Islam di Malaysia juga adalah tertakluk di bawah peruntukan undang-undang jenayah syariah yang berkuat kuasa di negeri-negeri tempat di mana orang itu berada.

Jenis kesalahan jenayah syariah di dalam akta, enakmen dan ordinan jenayah syariah telah dibahagikan kepada beberapa kategori. Kategori-kategori yang dimaksudkan ialah kategori berhubung dengan akidah, berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya, berhubung

dengan rukun Islam, arak, judi dan kesusilaan, kesalahan seksual, berhubung dengan kesejahteraan orang lain, kesalahan pelbagai serta kesalahan matrimoni (Jasri & Hasniza 2014; Musa 2015). Dengan kesalahan yang pelbagai dan banyak melibatkan soal moral serta akhlak, pihak berkuasa agama sering menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran dalam menjalankan tugas penguatkuasaan. Justeru, pihak berkuasa agama perlu menjalankan tugas dengan penuh berhemah dan berhati-hati mengikut peraturan dan *standard operation procedure* (SOP) yang telah ditetapkan (Ibrahim & Hanifah 2015; Musa 2015). Selain itu, kemahiran Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) dalam mengendalikan Orang Yang Disyaki (OYDS) di lokasi adalah diperlukan. Tindakan penguatkuasaan perlu dilakukan dengan cara yang bersesuaian, beradab, menjaga maruah dan aib. PPA perlu menjaga adab bagi mengelakkan tanggapan dan pandangan negatif yang boleh menjejaskan imej penguatkuasaan jenayah syariah (Daud Muhammad 2015).

Undang-undang jenayah syariah dalam Islam adalah bersandarkan kepada syariat yang bersumberkan daripada Al-Quran dan Hadis. Undang-undang jenayah dalam Islam melibatkan hukuman hudud, qisas, diyat dan takzir yang bertujuan untuk mencapai maqasid syariah iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan, dan menjaga harta (Abd Qadir Awdah t.th). Setiap Muslim perlu memahami maqasid syariah yang merupakan tujuan atau makna dikehendaki oleh syarak dalam pensyariatan hukum-hakam bagi menjaga kemaslahatan manusia (Zulkifly 2010). Namun dalam konteks Malaysia, pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di negeri-negeri adalah hanya berasaskan kepada skop hukuman takzir sahaja (Jasri 2014; Jasri Jamal & Hasnizam 2014; Siti Zubaidah 2014; Daud 2015). Hukuman yang peruntukkan bagi satu-satu kesalahan adalah mengikut apa yang telah ditetapkan oleh pemerintah di satu-satu negeri tetapi tidak melebihi had yang telah digariskan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984. Berdasarkan akta tersebut, hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah mestilah tidak melebihi tiga tahun penjara, lima ribu ringgit denda ataupun enam kali sebatan.

### **Perbezaan Undang-undang Jenayah Syariah di antara negeri-negeri**

Setiap negeri mempunyai kebebasan dalam mewujudkan undang-undang jenayah syariah secara tersendiri tanpa terikat dengan Persekutuan ataupun negeri-negeri lain. Kesannya, terdapat perbezaan yang ketara dalam undang-undang jenayah syariah di antara negeri-negeri pada waktu ini. Perbezaan-perbezaan yang dimaksudkan adalah seperti mana berikut;

#### **Perbezaan Matan**

Penggunaan matan atau teks yang betul dalam peruntukan adalah penting bagi menjelaskan maksud sesuatu peruntukan. Peruntukan yang jelas dan terperinci amat penting dalam menjelaskan maksud dan tujuan sesuatu undang-undang digubal. Namun jika dilihat dalam peruntukan undang-undang jenayah syariah di Malaysia, kebanyakannya dinyatakan secara umum sahaja (Jasri 2014; Azizah et al. 2015), kabur dan tidak jelas (Mohamad Azri & Mohd Al Adib 2017). Peruntukan yang tidak jelas akan menyukarkan tugas-tugas penguatkuasaan dijalankan dengan lebih berkesan. Ia akan memberi kesan pula kepada proses penyediaan kertas siasatan, kertas pertuduhan, pendakwaan dan seterusnya perbicaraan di mahkamah. Antara perbezaan yang dapat dilihat dalam peruntukan kesalahan jenayah syariah ialah perbezaan dari sudut penggunaan matan ataupun teks yang terdapat dalam peruntukan atau seksyen kesalahan. Jika dibandingkan di setiap negeri, terdapat perbezaan dalam penggunaan matan yang merujuk kepada kesalahan yang sama. Perbezaan dapat dilihat melalui penggunaan kandungan peruntukan yang menggunakan olahan bahasa yang berbeza dalam menyampaikan maksud sesuatu peruntukan (Siti Adibah & Siti Zubaidah 2018). Sebagai contoh perbezaan matan dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah;

Jadual 1: Perbezaan Matan bagi Kesalahan Liwat di antara Negeri-negeri di Malaysia.

Negeri	Matan
Wilayah Persekutuan, Johor, Pulau Pinang, Sarawak, Kedah dan Sarawak	Mana-mana orang lelaki yang melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan.
Negeri Sembilan	Seorang lelaki yang melakukan liwat dengan lelaki lain adalah melakukan satu kesalahan.
Kelantan	Sesiapa yang dengan sengaja melakukan perbuatan liwat yang tidak boleh dikenakan hukuman hadd mengikut hukum syarak adalah bersalah atas suatu kesalahan.
Melaka dan Perlis	Mana-mana orang yang dengan sengaja melakukan perbuatan liwat adalah bersalah atas suatu kesalahan
Sabah	Mana-mana orang lelaki dengan sengaja melakukan liwat adalah bersalah atas suatu kesalahan

Sumber: Akta/Enakmen/Ordinan Jenayah Syariah Negeri-Negeri.

Jadual 1 di atas menunjukkan contoh perbezaan matan yang digunakan bagi kesalahan liwat di bawah akta/enakmen/ordinan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Analisis mendapati terdapat lima bentuk matan yang digunakan melibatkan 10 buah negeri yang mempunyai peruntukan bagi kesalahan liwat. Matan yang digunakan adalah tidak seragam dan berbeza-beza namun menunjukkan kepada kesalahan yang sama. Apabila matannya berbeza maka elemen-elemen yang perlu dibuktikan dalam perbicaraan juga adalah berbeza. Bahkan elemen-elemen yang perlu disebut dalam kertas pertuduhan juga adalah berbeza. Bagi negeri-negeri yang tidak dinyatakan di atas iaitu Perak, Terengganu dan Pahang tiada peruntukan bagi kesalahan liwat. Manakala negeri Selangor menggunakan peruntukan kesalahan hubungan jenis antara orang yang sama jantina untuk kesalahan liwat. Menurut Mohamad Azri & Mohd Al Adib (2017) perbezaan matan juga dapat dilihat bagi kesalahan berkaitan menghina agama Islam.

#### Perbezaan Jenis dan Kategori kesalahan

Setiap undang-undang jenayah syariah yang diperuntukkan di negeri-negeri mempunyai jenis dan kategori kesalahan yang berbeza-beza. Daripada aspek jenis kesalahan, terdapat pelbagai istilah yang digunakan tetapi sebenarnya merujuk kepada kesalahan yang sama. Sebagai contoh, negeri-negeri di Malaysia menggunakan tiga istilah yang berbeza iaitu sama ada menggunakan istilah khalwat atau bersekediaman atau percubaan persetubuhan haram. Majoriti negeri-negeri di Malaysia menggunakan istilah khalwat, namun negeri Melaka menggunakan istilah bersekediaman manakala bagi Negeri Sembilan pula menggunakan istilah percubaan persetubuhan haram. Jika dilihat daripada inti pati kesalahan, semua istilah yang digunakan adalah merujuk kepada jenis kesalahan yang sama iaitu perbuatan bersekedudukan, berkurung dan bersunyi-sunyian di antara lelaki dan perempuan yang mendatangkan syak dan tidak mempunyai ikatan yang sah di sisi syarak dan bukan mahram (Ainul Bashirah et al.2012; Alias et al. 2016). Penggunaan istilah yang berbeza ini boleh menimbulkan kekeliruan pemahaman khususnya dalam kalangan masyarakat awam.

Selain itu, secara umumnya kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang terdapat di dalam akta, enakmen dan ordinan jenayah syariah telah dibahagikan kepada beberapa kategori. Antaranya ialah kategori kesalahan berkaitan akidah, kesalahan berkaitan kesusilaan, kesalahan berkaitan kehormatan diri, kesalahan berkaitan menghina Islam dan institusinya dan kesalahan berkaitan harta Majlis Agama Islam. Namun demikian, dapat dilihat perbezaan di antara negeri-negeri di mana ada yang meletakkan kesalahan yang sama dalam kategori berbeza-beza di dalam enakmen. Perbezaan

tersebut termasuklah dari sudut susunan nombor peruntukan. Bagi kesalahan khalwat, bersekediaman atau percubaan persetubuhan haram umpamanya, perbezaan kedudukan kategori dapat dilihat seperti dalam Jadual 2 berikut;

Jadual 2: Perbezaan Kategori bagi Kesalahan Khalwat, Bersekediaman atau Percubaan Persetubuhan Haram di antara negeri-negeri di Malaysia.

Negeri	Kategori
Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Johor, Terengganu, Sarawak, Pahang dan Kedah	Kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan
Melaka, Perlis, Sabah dan Kelantan	Kesalahan-kesalahan
Perak dan Negeri Sembilan	Kesalahan berhubung dengan maruah/kehormatan diri

Sumber: Akta/Enakmen/Ordinan Jenayah Syariah Negeri-Negeri.

Jadual 2 di atas menunjukkan perbezaan kategori bagi kesalahan khalwat, bersekediaman atau percubaan persetubuhan haram. Bentuk kesalahan yang sama iaitu khalwat diletakkan dalam kategori yang berbeza sama ada dikategorikan sebagai kesalahan berhubung dengan kesusilaan atau kategori kesalahan-kesalahan ataupun kategori kesalahan berhubung dengan maruah atau kehormatan diri. Walaupun terdapat perbezaan daripada aspek penggunaan istilah, terma dan kategori, Azhar et al. (2016) berpendapat secara prinsipnya kesalahan khalwat yang terdapat dalam undang-undang syariah di negeri-negeri adalah selari dengan pentakrifan hukum syarak. Pandangan ini walau bagaimanapun adalah pandangan orang yang memahami hukum syarak dan aspek teknikal kesalahan tersebut. Orang awam yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam boleh terkeliru dengan penggunaan istilah berbeza serta kedudukan kategori kesalahan yang juga berbeza.

Selain perbezaan jenis dan kategori kesalahan, terdapat juga perbezaan daripada sudut kesalahan yang disenaraikan. Suatu kesalahan yang diperuntukan dalam negeri A tidak semestinya turut diperuntukkan dalam negeri B atau C. Menurut Mohd Sopiie (2015) bagi kesalahan percubaan murtad, terdapat negeri yang tidak mempunyai peruntukan bagi kesalahan ini yang dilihat seolah-olah membuka ruang dan peluang kepada pihak-pihak yang ingin memohon murtad. Selain kesalahan murtad, terdapat kesalahan-kesalahan lain yang ada di sesuatu negeri tetapi tidak di negeri lain adalah seperti kesalahan sumbang mahram, hamil atau melahirkan anak luar nikah, menyembunyikan kehamilan dan membunuh atau menggugurkan kandungan. Azizah Mat Rashid et al. (2016) berpendapat, terdapat keperluan agar peruntukan seumpama ini diwujudkan di setiap negeri kerana kesalahan-kesalahan ini adalah signifikan untuk mengatasi masalah sosial yang berlaku di kalangan masyarakat Islam pada hari ini. Ketidakeragaman ini menimbulkan persoalan dan rasa ketidakadilan di kalangan masyarakat (Musa 2015). Tindakan hanya dapat diambil di negeri-negeri yang mempunyai peruntukan tersebut sedangkan bagi negeri yang tidak mempunyai peruntukan, pelakunya terlepas daripada tindakan penguatkuasaan. Justeru, perkara ini menimbulkan tohmahan dan pandangan negatif masyarakat terhadap perlaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia.

#### Perbezaan Jenis dan Kadar hukuman

Hukuman merupakan salah satu bahagian penting yang terdapat dalam komponen undang-undang jenayah syariah. Hukuman dalam Islam bukan bersifat deraan semata-mata (Daud 2015) tetapi juga bertujuan untuk memberi pendidikan dan pengajaran kepada masyarakat (Jasri Jamal & Hasnizam 2015). Ia juga bersifat mencegah jenayah daripada terus berkembang dan bertambah di samping membolehkan mahkamah menjatuhkan hukuman mengikut kesesuaian perbuatan dilakukan yang menjejaskan hak dan kepentingan masyarakat umum (Zaini 2018). Hukuman dalam undang-undang jenayah syariah adalah berteraskan kepada hudud, diyat, qisas dan takzir. Namun dalam konteks

Malaysia, hukuman yang dikenakan di bawah undang-undang jenayah yang berkuat kuasa pada hari ini adalah berbentuk hukuman takzir (Daud 2015; Jasri & Hasnizam 2016). Dalam menentukan bentuk dan kadar hukuman, undang-undang jenayah syariah adalah tertakluk kepada Akta 355 atau Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 yang memberikan had hukuman maksima iaitu tidak melebihi tiga tahun penjara, lima ribu ringgit denda ataupun enam kali sebatan.

Akta 355 menjadi panduan asas kepada negeri-negeri dalam mengkanunkan undang-undang jenayah syariah khususnya dari aspek jumlah atau bentuk hukumannya. Setiap negeri mempunyai kebebasan untuk menentukan bentuk dan kadar hukuman selagi mana tidak melebihi had yang telah ditetapkan oleh Akta 355. Kebebasan dalam menentukan bentuk dan kadar hukuman ini menyebabkan berlakunya perbezaan di antara negeri-negeri walaupun bagi kesalahan yang sama. Sebagai contoh, minum minuman memabukkan merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang jenayah syariah di setiap negeri. Namun bentuk dan kadar hukuman bagi kesalahan tersebut adalah berbeza sepertimana dalam Jadual 3 berikut;

Jadual 3: Jenis dan kadar hukuman bagi kesalahan minum minuman memabukkan di antara negeri-negeri di Malaysia.

Negeri	Hukuman
Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Perak, Terengganu, Sarawak, Sabah dan Kedah	Didenda tidak melebihi RM 3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
Melaka	Didenda tidak melebihi RM 3000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali.
Perlis, Kelantan dan Pahang	Didenda tidak melebihi RM 5000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau sebat tidak melebihi 6 kali sebatan atau mana-mana dua daripadanya.

Sumber: Akta/Enakmen/Ordinan Jenayah Syariah Negeri-Negeri.

Jadual 3 di atas menunjukkan jenis dan kadar hukuman bagi kesalahan minum minuman memabukkan. Analisis mendapati wujud perbezaan hukuman yang diperuntukkan di negeri-negeri mengikut jenis dan kadar hukuman. Kebanyakan negeri memperuntukkan jenis hukuman denda dan penjara sahaja atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi tiga buah negeri iaitu Perlis, Kelantan dan Pahang, kesalahan minum minuman memabukkan merupakan suatu kesalahan yang berat dengan memperuntukkan jenis hukuman maksimum iaitu denda, penjara dan sebatan. Selain itu, kadar hukuman juga didapati berbeza. Ia melibatkan dua kadar hukuman denda iaitu masing-masing RM 3000 dan RM 5000. Bagi tempoh penjara pula, sebahagian negeri memperuntukkan tempoh tidak melebihi dua tahun atau tiga tahun dan yang terendah adalah tidak melebihi tempoh setahun iaitu di Negeri Melaka. Perbezaan bentuk hukuman di antara negeri-negeri ini memerlukan kajian semula bagi mengenal pasti asas dan objektif utama yang hendak dicapai dalam memberikan hukuman kepada pesalah pada masa kini (Jasri Jamal & Hasnizam 2014). Perbezaan-perbezaan yang wujud berupaya membuka ruang kepada suatu gambaran umum bahawa hukuman yang dikenakan adalah tidak adil kepada tertuduh atau pesalah yang terlibat iaitu dalam kesalahan yang sama, cuma kesalahan itu dilakukan dalam negeri berbeza.

## Cabaran Penyeragaman Undang-Undang Jenayah Syariah

### Bidang kuasa

Ketidakseragaman undang-undang jenayah syariah di Malaysia disebabkan perbezaan bidangkuasa pentadbiran undang-undang Islam yang dipisahkan mengikut negeri-negeri. Sistem undang-undang di Malaysia adalah berteraskan kepada undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan. Senarai II Perlembagaan Persekutuan iaitu Senarai Negeri meletakkan segala perkara berkaitan hal ehwal Islam adalah di bawah kuasa negeri. Oleh kerana itu, setiap negeri mempunyai hak untuk menggubal sesuatu undang-undang berkaitan hal ehwal Islam termasuk undang-undang jenayah syariah tanpa melangkaui batas kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan. Justeru, sebarang penggubalan dan penyeragaman undang-undang jenayah syariah perlu mendapat persetujuan setiap negeri. Tanpa persetujuan negeri-negeri, maka penyeragaman undang-undang jenayah syariah tidak dapat dilakukan.

Usaha-usaha penyeragaman dan penyelarasan undang-undang jenayah syariah boleh dilakukan oleh Persekutuan dengan kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan. Bagi usaha penyeragaman dilakukan, mengikut perkara 76 (1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh menggubal undang-undang dalam Senarai Negeri bagi keseragaman dan persamaan di antara dua buah negeri atau lebih (Abdul Monir 2009; Mohd Sopiee 2015). Walaupun perkara 76 (1)(b) membenarkan Parlimen untuk menggubal undang-undang di bawah Senarai Negeri, namun ia tidak mengikat negeri-negeri secara total. Undang-undang ini hanya berkuat kuasa terhadap orang Islam sekiranya diterima oleh negeri dan disifatkan sebagai suatu undang-undang yang dibuat Badan Perundangan Negeri selaras dengan perkara 76 (3) Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, penyeragaman undang-undang jenayah syariah di Malaysia hanya boleh dilaksanakan dengan persetujuan ketua-ketua agama Islam di negeri-negeri iaitu D.Y.M.M Sultan-Sultan dan Raja-Raja. Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan dan perkara 3 (2) menetapkan kedudukan Raja adalah sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing dan Yang Dipertuan Agong (YDPA) merupakan Ketua Agama bagi negerinya dan negeri-negeri yang tidak beraja. Oleh kerana itu, sebarang perkara yang melibatkan hal ehwal Islam termasuk undang-undangnya perlu mendapat persetujuan D.Y.M.M Sultan-Sultan dan Raja-Raja di negeri-negeri berkenaan. Penyeragaman undang-undang jenayah syariah yang dilakukan oleh Persekutuan perlu dilakukan dengan tertib dan adab serta secara berhati-hati agar tidak dianggap sebagai mengambil alih dan mengurangkan kuasa D.Y.M.M Sultan-Sultan dan Raja-Raja. Kerajaan Persekutuan melalui institusi yang bertanggungjawab iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), perlu menyebarkan maklum dan memberikan pemahaman serta penjelasan kepada setiap D.Y.M.M Sultan-Sultan dan Raja-Raja bagi merealisasikan hasrat menyeragamkan undang-undang jenayah syariah.

Usaha-usaha penyeragaman juga boleh dilakukan melalui peranan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang ditubuhkan semasa Persidangan Majlis Raja-Raja ke-18 pada 1 Julai 1969. Majlis ini berperanan untuk menasihati dan membuat syor perkara-perkara yang dirujuk oleh Majlis Raja-Raja atau oleh mana-mana kerajaan negeri atau Majlis Agama Islam negeri. Selain itu, Majlis ini berperanan menasihati Majlis Raja-Raja, kerajaan negeri atau Majlis Agama Islam negeri, perkara-perkara mengenai hukum syarak, pentadbiran Islam atau ajaran Islam bagi mengadakan, menyeragamkan atau menggalakkan persamaan undang-undang Islam dan pentadbiran (Zaini 2005; Nazri 2014; Mohd Sopiee 2015). Namun demikian, hak keistimewaan, kedaulatan dan lain-lain kuasa Raja sebagai ketua agama Islam di negerinya tidak boleh disentuh oleh MKI (Ahmad Ibrahim 1987). Demikian juga, meskipun penyeragaman undang-undang jenayah syariah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja, selaku ketua agama Islam di negeri, D.Y.M.M Sultan atau Raja tetap tidak terikat dengan keputusan tersebut. Ia kerana D.Y.M.M Sultan atau Raja mempunyai autoriti dan kuasa budi bicara untuk menerima atau menolak bagi tujuan pemakaian di negeri di bawah pemerintahannya. Justeru,

usaha-usaha penyeragaman undang-undang jenayah syariah tetap tidak akan berhasil tanpa persetujuan D.Y.M.M Sultan-Sultan dan Raja-Raja yang memerintah di negeri-negeri. Dalam hal-hal sedemikian, pihak berkuasa agama seperti Majlis Agama Islam negeri perlu memainkan peranan proaktif dalam memberi sembah nasihat kepada D.Y.M.M Sultan atau Raja sebagai mana yang diperuntukkan di dalam enakmen induk iaitu enakmen pentadbiran undang-undang Islam yang ada di setiap negeri.

### Politik

Penggubalan dan pewujudan sesuatu undang-undang pada hakikatnya memerlukan sokongan atau kemahuan politik (*political will*). Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dengan pengasingan kuasa kepada tiga buah badan pemerintahan iaitu perundangan, eksekutif dan kehakiman (Mashitoh & Mohd Al Adib 2017). Dalam menggubal sesuatu undang-undang, proses penggubalan perlu melalui dua buah badan iaitu badan perundangan dan badan eksekutif di mana kedua-dua badan ini dikuasai oleh orang politik. Badan perundangan di peringkat Persekutuan iaitu Parlimen (Dewan Negara dan Dewan Rakyat) dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di peringkat negeri merupakan ahli-ahli politik (wakil rakyat) yang dipilih oleh rakyat melalui sistem pilihan raya (Normurni et al. 2016) dan berperanan sebagai pembuat undang-undang dalam Parlimen dan DUN (Malike et al. 2013). Manakala badan eksekutif iaitu Jemaah Menteri atau Kabinet (Persekutuan) yang dilantik daripada kalangan Ahli Parlimen dan di peringkat negeri iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) merupakan ahli-ahli politik dalam kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (Normurni Mohamad et al. 2016). Justeru, sebarang penggubalan undang-undang tidak akan berjaya tanpa sokongan daripada badan eksekutif dan perundangan yang dianggotai oleh ahli politik.

Di peringkat Persekutuan, sebarang penggubalan undang-undang perlu disokong dan diluluskan terlebih dahulu oleh Jemaah Menteri atau Kabinet kerana ia melibatkan dasar awam dan kerajaan (Malike et al. 2013). Pada peringkat awal, menteri yang bertanggungjawab perlu mengadakan perbincangan dan rundingan dengan Jabatan Peguam Negara dan agensi-agensi berkaitan dalam merangka dasar-dasar sesuatu rang undang-undang yang akan digubal. Setelah itu, Jabatan Peguam Negara bertanggungjawab menyusun draf rang undang-undang berkenaan. Draft undang-undang kemudiannya perlu dibentangkan bagi mendapat kelulusan jemaah menteri sebelum dibawa ke Parlimen untuk bacaan. Setelah melalui beberapa proses peringkat bacaan, perbahasan dan diluluskan di Parlimen oleh kedua-dua Majlis iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara, rang undang-undang akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan dan seterusnya diwartakan dalam Warta Kerajaan (Normurni Mohamad et al. 2016). Undang-Undang yang telah diwartakan akan dikuatkuasakan dan dikenali sebagai Akta. Di peringkat negeri pula, draft undang-undang disediakan oleh pihak jabatan yang berkenaan sebelum dimajukan ke Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri (PUUN). Draft tersebut biasanya akan disemak terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Undang-Undang. Draft yang telah disemak dan diluluskan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri akan dibawa ke DUN untuk diluluskan oleh ahli-ahli DUN. Setelah diluluskan, draft undang-undang akan dipersembahkan kepada Sultan atau Raja. Setelah mendapat perkenan Sultan atau Raja, ia akan diwartakan dalam Warta Negeri dan dikuatkuasakan sebagai Enakmen atau Ordinan.

Penggubalan dan penyeragaman undang-undang jenayah syariah di Malaysia terpaksa melalui proses yang sama. Akta jenayah syariah bagi Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Labuan) perlu melalui proses Persekutuan (Jemaah Menteri dan Parlimen) manakala enakmen/ordinan jenayah syariah di negeri-negeri perlu melalui DUN masing-masing sebelum diseragamkan. Jika dilihat dasar kerajaan sedia ada, usaha-usaha penyeragaman undang-undang jenayah syariah telah mendapat sokongan dan perhatian daripada pihak kerajaan (Penyata Rasmi Parlimen 2018) dan komitmen ini dizahirkan misalnya oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam (Utusan Malaysia 2019; Sinar Harian 2019). Namun, usaha-usaha penggubalan undang-undang jenayah syariah perlu mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri atau kabinet



sebelum dibentangkan di Parlimen. Sekiranya pihak pimpinan kerajaan memberikan komitmen dan serius dalam memperkasakan undang-undang jenayah syariah, penggubalan dan penyeragaman ini mudah untuk mendapat persetujuan kerana rata-rata ahli jemaah menteri adalah beragama Islam.

Selain itu, bagi memastikan penggubalan undang-undang jenayah syariah dapat diseragamkan, ia memerlukan sokongan sekurang-kurangnya majoriti mudah daripada ahli Parlimen atau ahli DUN dalam menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Analisis berdasarkan komposisi Parlimen dan DUN selepas Pilihanraya Umum ke 14 pada tahun 2018 mendapati, bagi mendapatkan majoriti mudah, pihak kerajaan Persekutuan dan sebahagian besar kerajaan negeri perlu mendapatkan sokongan daripada wakil rakyat yang bukan Islam daripada kalangan parti politik kerajaan ataupun sokongan daripada wakil rakyat pembangkang yang beragama Islam. Usaha-usaha penyeragaman ini tidak dapat dilakukan sekiranya tidak mendapat kerjasama daripada salah satu pihak kerana kerajaan sedia ada tidak mempunyai majoriti mudah daripada kalangan wakil rakyat yang beragama Islam. Rumusan bilangan wakil rakyat di Parlimen dan Dun Negeri-negeri adalah sepertimana Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Bilangan Wakil Rakyat di Parlimen dan DUN Negeri di Malaysia berdasarkan agama.

Dewan	Kerajaan		Pembangkang		Bebas		Jumlah	Majoriti Mudah
	Islam	Bukan Islam	Islam	Bukan Islam	Islam	Bukan Islam		
<b>Parlimen</b>								
Dewan Rakyat	85	54	67	13	3	0	222	112
Dewan Negara	17	10	24	15	0	2	68	35
<b>Dewan Undangan Negeri</b>								
Johor	24	15	15	2	0	0	56	29
Negeri Sembilan	7	13	15	1	0	0	36	19
Melaka	6	9	13	0	0	0	28	15
Selangor	32	18	6	0	0	0	56	29
Perak	11	19	28	0	1	0	59	30
Pulau Pinang	15	22	3	0	0	0	40	21
Kedah	13	5	17	0	0	0	36	19
Perlis	8	1	4	1	1	0	15	8
Kelantan	37	0	8	0	0	0	45	23
Terengganu	23	0	10	0	0	0	33	18
Pahang	24	1	8	9	0	0	42	22
Sarawak	29	43	0	10	0	0	82	42
Sabah	30	25	3	6	0	0	64	33

Sumber : Laman Web Parlimen Malaysia dan Dewan Undangan Negeri-negeri 2020.

Jadual 4 menunjukkan bilangan wakil rakyat Parlimen dan DUN mengikut negeri di Malaysia berdasarkan agama. Analisis mendapati, terdapat lima buah negeri yang mudah untuk pihak kerajaan negeri berkenaan mendapatkan sokongan majoriti dalam kalangan wakil rakyat beragama Islam tanpa perlu kepada sokongan daripada wakil rakyat kerajaan bukan Islam mahupun wakil rakyat pembangkang yang beragama Islam bagi menggubal undang-undang jenayah syariah. Negeri-negeri tersebut ialah Terengganu, Kelantan, Pahang, Selangor dan Perlis. Manakala untuk negeri-negeri lain dan juga di peringkat Parlimen memerlukan sokongan daripada wakil rakyat bukan beragama Islam daripada parti-parti kerajaan ataupun wakil rakyat beragama Islam daripada pihak pembangkang. Namun demikian, timbul pula dua persoalan, pertama, sejauh manakah negeri seperti

Terengganu, Kelantan, Pahang dan Perlis itu bersedia mengikut dasar kerajaan Persekutuan bagi menyeragamkan undang-undang jenayah syariah? Ini kerana parti yang memerintah di peringkat Persekutuan mungkin datang daripada gabungan parti politik berbeza. Terdapat kebarangkalian juga bahawa negeri-negeri tersebut mungkin mengambil langkah berkecuali disebabkan hal ehwal agama Islam adalah kuasa negeri. Persoalan kedua, sejauh manakah wakil rakyat bukan Islam dalam kalangan blok kerajaan dan pendirian wakil rakyat blok pembangkang yang beragama Islam bersedia untuk menyokong penggubalan undang-undang jenayah syariah? Oleh kerana itu, pihak kerajaan perlu berusaha memberikan pemahaman dan penjelasan kepada semua wakil rakyat (Islam dan bukan Islam) terhadap keperluan penyeragaman undang-undang jenayah syariah agar mereka bersetuju dan menyokong usaha ini tanpa prejudis. Yang demikian kerana tanpa sokongan wakil-wakil rakyat berkenaan, usaha penyeragaman adalah sukar untuk dilakukan, melainkan berlaku perubahan komposisi Parlimen atau DUN pada masa akan datang.

### Sosial

Kesalahan jenayah syariah sering dianggap sebagai jenayah tanpa mangsa (Siti Zubaidah Ismail 2008; Siti Zubaidah Ismail 2014; Ibrahim Deris & Hanifah Haidar 2015). Kesalahan jenayah syariah yang dianggap jenayah tanpa mangsa seperti berjudi, minum minuman memabukkan, khalwat dan persetubuhan luar nikah pernah menimbulkan kontroversi dalam pelaksanaan penguatkuasaannya. Segolongan masyarakat lebih cenderung untuk menyokong undang-undang yang melibatkan keganasan dan memberi kesan kepada individu lain seperti jenayah rompak, bunuh, menipu dan rogol. Dalam masa yang sama golongan ini mengkritik penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah. Undang-undang jenayah syariah bersifat anti maksiat yang berkait rapat dengan soal moral dan akhlak masyarakat umpamanya, dianggap sebagai sebagai mencampuri hak dan peribadi individu (Siti Zubaidah 2008; Ibrahim & Hanifah 2015; Musa 2015; Alias 2018). Walaupun undang-undang jenayah syariah dianggap sebagai hak peribadi, hakikatnya perbuatan yang dilakukan adalah bertentangan dengan hukum syarak. Ia boleh menjejaskan kesucian agama Islam, menggugat keamanan orang lain serta memberi kesan terhadap pembentukan akhlak, moral dan sahsiah masyarakat. Dengan lain perkataan, kesalahan yang dilakukan tetap memberi impak negatif kepada syariat Islam dan masyarakat Islam walaupun pelakunya merasakan itu adalah hak peribadi. Justeru, pihak kerajaan perlu juga memberikan pemahaman dan penjelasan secara berterusan tentang perkara-perkara tersebut seiring dengan usaha penyeragaman undang-undang.

Dalam usaha menyeragamkan undang-undang jenayah syariah di Malaysia, kerajaan juga berhadapan dengan aliran pemikiran liberalisme. Aliran liberalisme merujuk mentafsir Islam secara terbuka dan bebas (Shahirah & Mohd Safri 2018) dengan kefahaman akal fikiran semata-mata tanpa menggunakan kaedah khusus dalam memahami kandungan Al-Quran dan Hadis (Zul'Azmi & Zailan 2019) serta menerima demokrasi, sekularisme (mengasingkan agama dengan urusan lain), menolak kesepakatan ulama, memperjuangkan kesamaan gender, hak-hak wanita, kebebasan berfikir dan hak asasi manusia (Mohd Mustafa et al. 2015). Aliran liberalisme di Malaysia telah bermula sejak pertengahan tahun 1990 an dan 2000. Golongan ini membentuk persatuan atau pertubuhan dalam memperjuangkan hak asasi, menentang deskriminasi serta mengkritik undang-undang membentaras maksiat yang dianggap sebagai bertentangan dengan hak asasi dan kebebasan individu (Nur Farhana & Nur Solehah 2018). Antara kumpulan liberalisme aktif yang dikenal pasti di Malaysia ialah *Sisters in Islam* (SIS) dan kumpulan G25. Kumpulan-kumpulan ini menggunakan nama Islam dalam identiti mereka bagi menggambarkan bahawa mereka mewakili pandangan Islam. Kumpulan ini menentang penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah kepada orang Islam seperti khalwat, minum arak dan menjadi pelacur kerana dianggap sebagai mengaibkan diri individu sedangkan membuka keaiban orang lain adalah dilarang dalam Islam (Zul'Azmi & Zailan 2019).

Kumpulan SIS dan G25 lantang mengkritik terhadap pelaksanaan hal ehwal Islam di Malaysia meliputi aspek pengurusan dan pentadbiran institusi Islam serta perundangan Islam termasuk

undang-undang jenayah Islam dan undang-undang keluarga Islam. SIS mengkritik undang-undang murtad yang terdapat dalam undang-undang jenayah syariah kerana dianggap bertentangan dengan hak asasi dan kebebasan beragama bagi seseorang individu (Sisters in Islam 2012). Pihak-pihak yang membenarkan murtad berpegang kepada kebebasan hak asasi yang diiktiraf dunia dalam UDHR 1948 dan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan kebebasan beragama (Mohd Sabree & Mohd Sopiee 2016). Manakala kumpulan G25 menuntut agar kesalahan khalwat dan berkaitan transgender dimansuhkan kerana mencerooboh hak dan privasi individu (Nur Farhana & Nur Solehah 2018). Kumpulan ini membentuk jawatankuasa bagi meminda dan memansuhkan peruntukan undang-undang jenayah syariah yang dianggap sebagai tidak relevan (Rodelio 2015). Berdasarkan realiti ini, individu atau kumpulan-kumpulan liberalisme boleh menjadi penghalang kepada pelaksanaan dan penyeragaman undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Usaha-usaha dakwah berterusan perlu dilakukan terhadap individu mahu pun kumpulan yang berpegang kepada fahaman liberalisme bagi menyebarkan ilmu-ilmu berkaitan dengan ajaran Islam serta memberi kefahaman yang jelas tentang konsep perundangan Islam yang sebenar.

Kesimpulannya, terdapat tiga cabaran utama yang perlu dihadapi oleh pihak berkuasa agama dalam menyeragamkan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Cabaran-cabaran itu adalah berkaitan perkara bidangkuasa, politik dan sosial. Usaha-usaha penyeragaman undang-undang jenayah syariah boleh dilakukan dengan kerjasama dan komitmen yang jitu daripada semua pihak sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri. Kerajaan Persekutuan boleh mempelopori usaha-usaha ini dengan menyediakan satu bentuk draf undang-undang jenayah syariah yang komprehensif untuk dibentangkan dan diluluskan di Parlimen dan seterusnya negeri-negeri boleh mengambalnya untuk dibawa ke Dewan Undangan Negeri masing-masing. Segala medium dan saluran yang ada seperti Majlis Raja-Raja dan MKI perlu dimanfaatkan bagi merealisasikan usaha ini. Penyeragaman ini perlu dilakukan bagi menangkis persepsi negatif terhadap perundangan jenayah syariah yang dilihat tidak adil kerana berbeza-beza di antara negeri-negeri terutamanya daripada aspek hukuman yang dikuatkuasakan. Menerusi undang-undang jenayah syariah yang seragam, diyakini akan dapat memperkasakan kedudukan undang-undang Islam, melancarkan pelaksanaannya serta meningkatkan imej Islam bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di mata masyarakat antarabangsa.

### Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil projek penyelidikan FRGS/1/2019/SSI03/UKM/02/2 Kementerian Pengajian Tinggi.

### References

- Abd al-Qadir Audah. t. th. *Al-Tasyri' Al-Jina'iy Al-Islamiy Muqaranan bi Al-Qanun Al-Wada'i*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Aza.
- Abdul Monir Yaacob. 2009. Perlaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian. *Jurnal Fiqh* No. 6: 1-20.
- Ahmad Ibrahim. 1987. Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Dlm. Mohamed Suffian Hashim, Lee, H.P. & Trindade, F.A. (ed.). *Perlembagaan Malaysia Perkembangannya 1957-1977*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ainul Bashirah et al. 2012. Kesalahan Khalwat Dan Perbuatan Tidak Sopan Dan Hukumannya Menurut Islam. *Jurnal Hadhari* 4(2): 65 – 88.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984.
- Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof. 2012. Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakteragaman Dalam Enakmen Jenayah Syariah Dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Di Malaysia. 24 *Kanun* (1): 1-23.

- Alias Azhar & Mohammad Azam Hussain. 2012. Perluasan Skop Undang-Undang Islam Di Malaysia: Aplikasi Dan Implikasinya. *Jurnal Syariah* 20(2): 163-184.
- Alias Azhar et al. 2016. Kesalahan Khalwat Menurut Hukum Islam Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 1(2): 8-17.
- Alias Azhar. 2018. Integrasi Hisbah Dan Dakwah Dalam Prosedur Penguatkuasaan Undang-Undang Kesalahan Maksiat Dan Jenayah Khalwat Di Malaysia. *Jurnal Hukum dan Pemikiran* 8(1): 119-138.
- Azizah Mat Rashid et al. 2015. Pendekatan dakwah dalam pelaksanaan undang-undang: kajian terhadap kesalahan berkaitan akhlak di Selangor. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2015 (IRSYAD 2015). Anjuran FPPI KUIS, 12-13 Okt.
- Azizah Mat Rashid et al. 2016. Ketidakteraturan peruntukan berkaitan kesalahan moral dalam Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia: Satu analisis. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016). Anjuran FPPI KUIS, Selangor.
- Daud Muhammad. 2015. Falsafah Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah: Satu Penghayatan Semula. *27 Kanun* (1): 7-32.
- Dewan Rakyat Malaysia. 2018. Jawapan-Jawapan Lisan bagi Pertanyaan-Pertanyaan. *Penyata Rasmi (Hansard) Parlimen Dewan Rakyat*. Parlimen Keempat Belas Penggal Pertama Mesyuarat Kedua, Bil. 29: 1-179.
- Dewan Undangan Negeri Johor. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. <https://www.johor.gov.my/kerajaan/info-kerajaan/adun> [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri Kedah. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. <http://mmk.kedah.gov.my/kerajaan/ahli-yang-behormat/ahli-dewan-undangan-negeri> [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri Kelantan. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/senarai-dun-negeri-kelantan-bagi-pru-ke-14](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/senarai-dun-negeri-kelantan-bagi-pru-ke-14) [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri Melaka. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. [https://www.melaka.gov.my/ms/kerajaan/utama/dewan-undangan-negeri-melaka#art\\_tab3](https://www.melaka.gov.my/ms/kerajaan/utama/dewan-undangan-negeri-melaka#art_tab3) [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. <http://www.ns.gov.my/en/kerajaan/info-negeri/adun-penggal-ke-14> [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri Pahang. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. <https://www.pahang.gov.my/index.php/pages/view/411?mid=47> [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri Perak. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/senarai-dun-negeri-perak-bagi-pru-ke-14](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/senarai-dun-negeri-perak-bagi-pru-ke-14) [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri Perlis. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. <https://www.perlis.gov.my/index.php/info-kerajaan/ahli-dewan-rakyat-2> [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. [http://idirektori.penang.gov.my/papar\\_adun.php](http://idirektori.penang.gov.my/papar_adun.php) [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri Sabah. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. <http://ww2.sabah.gov.my/dun/> [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri Sarawak. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. [https://duns.sarawak.gov.my/modules/we/pages.php?mod=webpage&sub=page&id=150&menu\\_id=0&sub\\_id=40](https://duns.sarawak.gov.my/modules/we/pages.php?mod=webpage&sub=page&id=150&menu_id=0&sub_id=40) [Retrieved 10 July 2020].
- Dewan Undangan Negeri Selangor. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. <http://dewan.selangor.gov.my/dewan-negeri-selangor> [10 Julai 2020].

- Dewan Undangan Negeri Terengganu. 2020. Senarai Ahli Dewan Undangan Negeri. <http://dun.terengganu.gov.my/index.php/2013-06-26-00-46-38/ahli-dewan-undangan-negeri> [Retrieved 10 July 2020].
- Enakmen Jenayah Syariah (Kelantan) 1985.
- Enakmen Jenayah dalam Syarak (Perlis) 1991.
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992.
- Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992.
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Enakmen Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
- Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 .
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.
- Jasri Jamal. 2014. Pentadbiran Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia. *Shariah Law Reports*: cxxxvii- cliv.
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. 2014. Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-Kes Jenayah Syariah. *Jurnal 'Ulum Islamiyyah* 12: 87-103.
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. 2016. Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Keperluan Penambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri- Negeri. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 3: 1-16.
- Ibrahim Deris & Hanifah Haidar. 2015. Penggunaan Garis Panduan Dan Etika Dalam Penambahbaikan Perjalanan Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Kesalahan Syariah. *27 Kanun* (1): 102-121.
- Ibrahim Lembang. 2012. Penyeragaman Undang-undang Islam di Malaysia: antara realiti dan harapan, Dlm. Siti Shamsiah Md. Supi (ed.), *Korpus Undang-undang Islam di Malaysia Semakan & Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Malike Ibrahim et al. 2013. Peranan Wakil Rakyat Dalam Parti Politik: Isu Dan Cabaran. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 40(1): 91-115.
- Mashitoh & Mohd Al Adib. 2017. Sorotan Literatur Kuasa Sultan dalam Kehakiman Islam. *Islāmiyyāt*, 39 (1): 11 – 20.
- Mohamad Azri & Mohd Al Adib Bin Samuri. 2017. Analisis Matan Undang-Undang Syariah Negeri Berkaitan Kesalahan Menghina Agama Islam Di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law* 2(1): 1-30.
- Mohd Sabree Nasri & Mohd Sopiie Shiddiq. 2016. Murtad: Antara Hak Kebebasan Beragama dan Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan* 1: 1-17.
- Mohd Sopiie Shiddeq. 2015. Jenayah Murtad di Malaysia: Permasalahan dari Perspektif Undang-undang Syariah, *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 9: 9 – 16
- Musa Awang 2015. Dimanakah kita dalam pemantapan pentadbiran keadilan Jenayah Syariah?. *27 Kanun* (1): 55-84.
- Nazri Muslim. 2014. Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dari Sudut Perlembagaan. *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman) 2(2): 121 – 127.
- Noor Lizza Mohamed Said, Wan Amirul Adli Wan Ayub. 2021. Pelaksanaan Hibah Harta Bercagar dalam Industri Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam. *International Journal of Islamic Thought* 19(June): 89-101.
- Normurni Mohamad et al. 2016. *Pengajian Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Solehah Shapiee. 2018. Autoriti Agama di Malaysia: Kedudukan dan Kritikan. *International Journal of Islamic Thought* 14(Dec.): 72-85.
- Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001.
- Paizah Hj Ismail. 2007. Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh* (4): 237-250.
- Parlimen Malaysia. 2020. Senarai Ahli Dewan Rakyat. <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan.html?uweb=dr> [Retrieved 10 July 2020].
- Parlimen Malaysia. 2020. Senarai Ahli Dewan Negara. <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan-dn.html?uweb=dn&> [Retrieved 10 July 2020].
- Perlembagaan Persekutuan 1957.
- Rodelio Junjun Taucan. 2015. G25 Mahu hukuman khalwat dimansuh. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/g25-mahu-hukuman-khalwat-dimansuh1.166423> [16 July 2020].
- Shahirah Abdu Rahim & Mohd Safri Ali. 2018. Liberalisme Agama Di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018*.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Undang-Undang Pemeluk Islam Di Malaysia. *Jurnal Syariah* 26(3): 301-326.
- Sinar Harian. 2019, 14 Julai. Seragamkan Undang-Undang Jenayah Syariah: Mujahid. <https://www.sinarharian.com.my/article/37651/BERITA/Nasional/Seragamkan-undang-undang-jenayah-syariah-Mujahid> [Retrieved 15 July 2020].
- Sisters in Islam. 2012. *Press Statement: Freedom of Religion*. <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1123.40> [Retrieved 16 July 2020].
- Siti Rahmaniah Bachok. 2010. Pelaksanaan penguatkuasaan kes hamil dan melahirkan anak luar nikah di negeri Melaka dan Negeri Sembilan: Satu kajian bandingan. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zubaidah Ismail. 2008. Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: satu analisis. *Jurnal Syariah* 16 (Keluaran Khas): 537-554.
- Siti Zubaidah Ismail. 2010. Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah* 18(2): 247-276.
- Siti Zubaidah Ismail. 2012. Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (ed.). *Korpus Undang-Undang Islam Di Malaysia: Semakan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Siti Zubaidah Ismail. 2014. Hudud Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Dalam Kerangka Perlembagaan Dan Sistem Perundangan "Dualisme": Komitmen Pelaksanaan Ke Arah Membendung Jenayah Di Malaysia. *Jurnal Syariah* 22(2): 193-212.
- Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utusan Malaysia. 2019, 14 Julai. Jenayah Sama Hukuman Berbeza. Online. <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/jenayah-sama-hukuman-berbeza-1.936207> [Retrieved 15 July 2020].
- Zaini Nasohah. 2005. Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. *Islāmiyyāt* 27(1): 25 – 44.
- Zaini Nasohah. 2018. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia: Peruntukan Akta dan Enakmen*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zul'Azmi Yaakob & Zailan Moris. 2019. Merangka Semula Falsafah Keamanan Sejagat dalam Konteks Malaysia. *Islāmiyyāt* 41(1): 69 – 81.
- Zulkifli Hasan. 2008. *Isu Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia Dan Sejauh Manakah Pelaksanaannya*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.